

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

SOALAN NO. 345

DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam sistem pembelajaran.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mendukung Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan iaitu bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan diperkukuhkan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memainkan peranan penting bagi pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Satu usaha besar ke arah memartabatkan pendidikan bahasa Melayu dilaksanakan melalui Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016 - 2025. Pelan ini merupakan dokumen yang menterjemahkan hala tuju pendidikan bahasa Melayu pada masa hadapan. Pelan ini juga digarap berdasarkan kepentingan semua pihak yang terlibat dalam pendidikan bahasa Melayu. Satu garis panduan yang lebih jelas dan terperinci telah disediakan agar semua pihak berkepentingan dapat menyumbang secara bersepadu untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai tonggak tamadun negara serta mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan negara.

Antara inisiatif yang terkandung dalam hala tuju pendidikan bahasa Melayu tersebut adalah untuk menyediakan:

1. Kerangka Standard Bahasa Melayu;
2. Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu;
3. Kerangka Holistik Pembangunan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu;
4. Penubuhan Lembaga Pengiktirafan Pendidikan Bahasa Melayu;
5. Pemerksaan Ujian Lisan Bahasa Melayu Sekolah Rendah dan Menengah; dan
6. Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Syarat Mengikuti Program di Universiti.

Dalam usaha untuk memastikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar pendidikan dan bahasa perpaduan, terus dikembangkan dan diperluas, KPM melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melaksanakan pelbagai program dengan kerjasama pelbagai pihak. Antara kempen dan program yang dianjurkan oleh DBP bagi memupuk semangat cinta pada bahasa kebangsaan ialah Pembinaan Bakat dan Kepakaran, Pemupukan dan Penggalakan Bahasa, Pemantauan Bahasa, Pengukuhan Dasar Bahasa, Perkhidmatan Bahasa, Penyebaran Bahasa, Audit Bahasa Melayu dalam Perkhidmatan Awam, Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan Pihak Berkuasa Tempatan, Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan Sektor Kewangan dan Bulan Bahasa Kebangsaan.

Kementerian memandang serius akan penguasaan Bahasa Melayu dikalangan pelajar-pelajar di universiti justeru Kementerian telah menetapkan syarat wajib lulus Bahasa Malaysia sebagai syarat utama kemasukan ke universiti awam.

Selain daripada itu, Kementerian telah menganjurkan beberapa program dalam menyokong Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam 2016-2020 seperti berikut:-

NO. SOALAN: 345

1. penganjuran Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) yang merupakan satu-satunya pertandingan pidato bahasa Melayu peringkat antarabangsa yang diadakan di dunia; bertujuan memperkukuhkan kedudukan dan martabat bahasa Melayu di peringkat antarabangsa;
2. pelaksanaan program pemantapan Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa di Malaysia sebagai usaha untuk menambah jumlah penutur bahasa Melayu dan membantu dalam pengembangan bahasa Melayu ke negara asal peserta. Ini seterusnya dapat mengangkat martabat bahasa Melayu ke peringkat antarabangsa;
3. penganjuran pelbagai pertandingan debat bahasa seperti Pertandingan Debat DiRaja dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM), Debat Siswa yang dianjurkan dengan kerjasama MADUM dan RTM serta lain lain pertandingan debat yang dianjurkan di peringkat IPT; dan
4. menyemarakkan semangat patriotisme dan jati diri mahasiswa dalam penggunaan Bahasa Melayu melalui sesi deklamasi sajak, puisi dan syair bertemakan kemerdekaan dan perpaduan bagi program Kembara Siswa Patriotik yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2016.

Kesimpulannya, pelaksanaan program pengukuhan Bahasa Melayu ini wajar diteruskan bagi memupuk kecintaan terhadap bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan serta menjadikan bahasa Melayu sebagai alat penyatuan pelbagai kaum, agama dan negara.